

Perancangan jangka panjang atasi kesesakan - PM

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
utusannews@mediamulia.com.my

BERA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perancangan jangka panjang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya yang berlaku setiap kali musim perayaan.

Perdana Menteri berkata, masalah tersebut perlu diberikan perhatian dan diatasi untuk memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya.

“Untuk masa depan saya percaya Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mempunyai perancangan jangka panjang mengatasinya.

“Bagaimanapun tanggungjawab menjaga keselamatan diri terletak kepada kita juga,” katanya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Bera di Dataran Kerayong, di sini semalam.

Majlis Rumah Terbuka yang dimeriahkan kira-kira 40,000 pengunjung pelbagai kaum itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin.

Yang hadir sama Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ismail Mohamed Said dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Abdul Rahman Mohamad.

Sementara itu, Ismail Sabri



ISMAIL SABRI Yaakob (kanan) melihat hidangan yang disediakan untuk tetamu pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Bera di Dataran Kerayong di Bera, Pahang, semalam. - MINGGUAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

berkata, dalam berhadapan dengan kesesakan lalu lintas, orang ramai perlu sama-sama menjaga keselamatan diri dan memandu mengikut peraturan.

Katanya, pengguna jalan

raya perlu mendisiplinkan diri dengan memandu secara berhempah dan berhati-hati sepanjang perjalanan di jalan raya atau lebuhraya.

“Jika penat dan mengantuk

berhenti dulu, tidur sekejap dalam kereta dan apabila hilang mengantuk boleh teruskan perjalanan, jangan paksa diri untuk sampai cepat,” ujarnya.